

AKHBAR : Sabah News Today
TARIKH : 16 Ogos 2024
SENTIMEN: Positif

MUKA SURAT :
HARI :

Online
Jumaat



[300 pelajar sertai Seminar Kecemerlangan SPM 2024](#)

LABUAN : Seramai 300 pelajar calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) golongan B40 dari sembilan sekolah di sini menyertai Seminar Kecemerlangan SPM. Program dianjurkan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Dan Jabatan Pendidikan Labuan diadakan di Dewan Auditorium Sekolah Antarabangsa Labuan (LIS). Majlis perasmian penutupan seminar, disempurnakan oleh Pengerusi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Datuk Seri Norliza Abdul Rahim. Norliza berkata, YWP memperuntukan sebanyak RM270,00.00 merangkumi pelaksanaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan. “Kita mengucapkan terima kasih kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Labuan menyumbang sebanyak RM10,000 bagi membantu pelaksanaan seminar tersebut. “Seminar diadakan secara percuma itu diharap dapat membantu pelajar mengenai teknik teknik pembelajaran yang berkesan dan strategi menjawab soalan SPM yang akan membantu pelajar dalam membuat persediaan yang optimum,” katanya. Hadir sama Ketua UMNO Labuan, Datuk Mohd Rafi Ali Hassan.

<https://sabahnewstoday.net/300-pelajar-sertai-seminar-kecemerlangan-spm-2024/>